

# KENAPA MEMILIH AGAMA BUDDHA?

WHY BUDDHISM?

Bhante Dr. K. Sri Dhammananda



*Untuk Bukan Umat Islam Sahaja.*

## Publication of the



### Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society 佛陀教义弘扬协会

Buddhist Maha Vihara  
123, Jalan Berhala, Brickfields  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570  
E-Mail: [info@buddhistmahavihara.com](mailto:info@buddhistmahavihara.com)  
Website: [www.buddhistmahavihara.com](http://www.buddhistmahavihara.com)  
[www.ksridhammananda.com](http://www.ksridhammananda.com)

Permission to reprint for free distribution can be obtained upon request.

Published for Free Distribution

1<sup>st</sup> Print – Dec 2007 ( 3,500 copies)

*Persatuan Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society  
merakamkan penghargaan kami kepada  
Rakan-rakan SeDhamma,  
Universiti Sains Malaysia  
diatas usaha penterjemahan mereka ini..*

Printed by:  
UNIPRINTS MARKETING SDN BHD (493024-K)

# **KENAPA MEMILIH AGAMA BUDDHA?**

*oleh Bhante Dr. K. Sri Dhammananda*

## **ASAS AGAMA**

Sebelum kita membincangkan persoalan "Kenapa memilih agama Buddha", kita harus tahu bagaimanakah idea tentang agama mula-mula muncul di dalam pemikiran manusia.

Beribu-ribu tahun dahulu, setelah menyaksikan banyak peristiwa yang menakjubkan, manusia mula memikirkan tentang berbagai fenomena semulajadi di dalam alam ini. Adakalanya mereka terpaksa menderita disebabkan oleh malapetaka dan peristiwa yang mengerikan. Kadangkala fenomena itu membawa keuntungan.

Mereka mula berikhtiar untuk mencari jalan untuk menghalang berulangnya peristiwa yang menyebabkan ketakutan, penderitaan, tekanan emosi, syak wasangka dan sebagainya. Mereka sedia maklum bahawa kebanyakan peristiwa ini

adalah di luar bidang pengetahuan mereka. Justeru itu, mereka merasakan bahawa terdapat suatu kuasa luar yang ghaib disebalik semua peristiwa yang luar biasa itu; mungkin "tuhan atau dewa".

Upacara mengorbankan binatang dan menyembah diadakan dengan harapan dapat memuja kuasa luarbiasa ini. Bila tuah mendatang, mereka akan mengadakan majlis kesyukuran sebagai tanda berterima kasih kepada tuhan kerana berpendapat mungkin tuhan yang bertanggungjawab disebalik tuah itu. Mereka berharap mendapat perlindungan daripada tuhan melalui upacara keagamaan seperti ini supaya tidak menghadapi banyak kesulitan di dalam hidup. Dengan berkembangnya konsep ini, ritual, upacara dan perayaan keagamaan pun mula berkembang. Masyarakat yang berlainan mengadakan perayaan yang berbeza mengikut keperluan serta kedudukan geografi mereka. Dengan bertambahnya upacara pemujaan ini serta falsafah disebaliknya, "agama" menjadi satu bahagian intrinsik di dalam setiap tamadun manusia. Asas agama pada mulanya adalah untuk

kemandiran manusia<sup>1</sup> yang berpunca daripada syak wasangka dan salah faham tentang hidup serta fenomena semulajadi alam yang mengerikan. Kesemua ini merupakan asas bagi agama sebagaimana bahan-bahan seperti batubata, simen dan tanah digunakan untuk membina asas bagi sesebuah bangunan.

Agama kemudian diperkayakan lagi rupanya supaya kelihatan menarik dengan memperkenalkan unsur keyakinan, pemujaan, penyembahan, etika, moral serta nazar yang kesemuanya dijalankan di atas nama tuhan demi mengawal umat manusia. Mereka juga berharap dapat mencapai satu alam kebahagiaan yang berkekalan serta ketenangan roh.

## **ASAS AGAMA BUDDHA**

Beberapa ratus tahun kemudiannya, satu agama baru, agama Buddha muncul. Buddha

---

<sup>1</sup> kemandiran manusia = "human survival" (supaya manusia dapat terus hidup).

tidak memperkenalkan atau menggunakan sebarang daripada kepercayaan kuno itu. Beliau tidak mengeksploitaskan konsep tuhan, teori roh, syurga atau neraka yang berkekalan untuk membentuk agama Buddha. Beliau tidak mengeksploitaskan ketakutan manusia atau salah faham mereka tentang fenomena yang berlaku di dalam alam semesta untuk menyokong ajarannya. Beliau tidak menuntut umatnya menerima ajarannya dengan membuta tuli atau mengadakan upacara yang sia-sia. Beliau tidak menggalakkan amalan menyeksa diri atau menurunkan hukum yang wajib untuk pengikutnya. Beliau tidak menuntut kewibawaan sebarang kuasa ghaib untuk mengukuhkan hujahnya. Buddha juga telah memperkenalkan banyak perkara seperti sifat sebenar kehidupan duniawi, fenomena alam dan kosmik, ciri sebenar minda<sup>2</sup> dan jasad, kaitan

---

<sup>2</sup> minda = mind. Buddha menerangkan bahawa minda terdiri daripada empat kelompok mental, iaitu perasaan (feelings), tanggapan (perception), formasi mental (mental formations) dan kesedaran deria (consciousness).

juzuk dan tenaga, moral, perkembangan spiritual, disiplin, latihan pemikiran mental, pengetahuan, kearifan dan Pencerahan Sempurna.

Beberapa konsep yang diajarnya juga terdapat di dalam agama lain, misalnya kamma - hukum sebab dan akibat serta etika-etika tertentu. Akan tetapi Buddha tidak mengajarnya dengan cara yang sama atau memberi pengertian yang sama kepadanya. Beliau telah memperbaiki dan memperkenalkannya secara saintifik dan rasional.

## **AGAMA YANG BEBAS**

Agama Buddha bukanlah satu gabungan beberapa agama atau idea-idea agama yang berbeza. Buddha tidak mengambil ajaran daripada agama lain, mengumpulkannya dan kemudian memperkenalkannya sebagai agama Buddha. Sebenarnya, Beliau menyedari bahawa tiada seorang guru agama pun yang dapat menemui kebenaran mutlak dan jalan untuk membebaskan diri daripada belenggu hidup. Beliau menerangkan bahawa guru agama lain hanya dapat mencapai tahap tetentu sahaja di

dalam pencapaian kuasa duniaawi dan perkembangan spiritual mereka. Mereka masih tidak dapat mencapai minda yang suci sepenuhnya atau membebaskan diri daripada tanggapan yang salah, khayalan, kejahilan, kecemaran minda, salah faham, imaginasi dan kepercayaan yang karut.

Tujuan sebenar suatu "agama" boleh difahami apabila kita mengkaji cara Buddha memperkenalkan "jalan hidup beragama yang mulia" ini. Jika kita menggunakan istilah "agama" apabila membincangkan ajaran Buddha, kita juga harus memahami tafsiran berlainan yang diberikan bagi istilah ini oleh pengikut agama lain.

Justeru itu, sesiapa pun dapat memahami mengapa agama Buddha diperlukan walaupun terdapat begitu banyak sekali agama lain di dalam dunia ini.

## KETIADAAN DOGMA

Buddha telah berjaya menyingkirkan beberapa tanggapan yang salah yang menjadi pegangan manusia selama beberapa ribu tahun. Tanggapan bahawa roh adalah suatu entiti yang berkekalan dan diwujudkan oleh tuhan terpaksa ditolak apabila Buddha memberikan beberapa hujah yang konkret dan bernas untuk menyangkal kewujudan sesuatu entiti yang berkekalan selama-lamanya. Tanggapan ini hanyalah suatu khayalan sahaja. Tanggapan ini adalah seperti pelangi yang boleh dilihat tetapi bukannya realiti. Buddha menerangkan bahawa konsep roh ini merupakan satu salah faham tentang kesedaran deria (consciousness) manusia. Konsep roh ini sangat penting di dalam setiap agama lain. Akan tetapi Buddha sahaja yang menyatakan dengan jelasnya bahawa tiada sebab untuk kita mempercayai tentang kewujudan roh.

Perkara ini sama seperti pada masa dahulu apabila semua orang percaya bahawa matahari dan bulan mengelilingi bumi kita setiap hari. Manusia mempunyai tanggapan yang salah. Hal

ini disebabkan oleh kurangnya pengetahuan tentang cakerawala kita. Apabila Copernicus membuktikan bahawa bukannya matahari yang mengelilingi bumi, sebaliknya bumi yang mengelilingi matahari, manusia mula menyedari kebenaran tersebut.

Terdapat satu lagi tanggapan tentang bumi yang dipegang oleh manusia. Selama beribu-ribu tahun, manusia mempercayai bahawa bumi kita adalah rata. Akan tetapi Galileo telah membuktikan bahawa bumi kita adalah bulat dan bukannya rata. Lama-kelamaan manusia juga menerima kebenaran tersebut.

Apabila Copernicus menemui bahawa matahari adalah pusat sistem suria kita, manusia terpaksa menolak kepercayaan lama yang berasaskan bumi sebagai pusat alam semesta.

Kepercayaan kebanyakan ahli falsafah tradisional sehingga abad ke-19 adalah bahawa atom merupakan entiti mutlak jasad dan adalah mustahil untuk membelahkan atom tersebut. Kepercayaan ini terpaksa ditolak apabila saintis

nuklear berjaya membelahnya.

Teori evolusi yang dirumuskan oleh Charles Darwin telah menolak "Teori penciptaan" yang popular itu; bahawa kehidupan dicipta oleh Tuhan. Ahli geologi, biologi dan fisiologi telah menerangkan dengan terperincinya bahawa kewujudan kehidupan yang pertama di dalam dunia ini telah mengambil masa beberapa juta tahun. Semua ini tidaklah bertentangan dengan ajaran Buddha daripada mana-mana aspek pun. Penemuan moden tentang perkembangan yang perlahan-lahan akan kehidupan mineral, tumbuhan, benda dan makhluk hidup yang lain adalah selari dengan ajaran Buddha.

Apabila kita mengkaji penerangan Buddha tentang alam semesta, kita mendapati bahawa Beliau telah menyentuh tentang wujudnya beberapa jenis makhluk hidup yang bahagia dan juga yang tidak bahagia, bukan sahaja di dalam dunia ini tetapi juga di dalam beberapa planet lain yang tertentu.

Para saintis moden dan juga ahli astronomi

mempunyai pandangan yang terbuka tentang aspek ini. Mereka mengakui bahawa adanya kemungkinan tentang wujudnya beberapa jenis makhluk hidup di planet-planet lain yang tertentu. Banyak kepercayaan tradisi pada masa kini adalah sama dengan kepercayaan primitif tentang sistem dunia dan asalnya hidup. Akan tetapi ajaran Buddha mengesahkan penemuan baru tersebut.

Buddha tidak menyokong kepercayaan bahawa upacara agama dan ritual merupakan satu-satunya cara untuk seseorang menyelamatkan dirinya. Mengikut Buddha perkembangan moral, penumpuan minda serta penyucian minda adalah aspek yang penting dalam menjalani kehidupan beragama sehingga tercapainya Nibbana. Beliau menyatakan bahawa seseorang yang berpegang teguh pada agama haruslah menjalani kehidupan yang tidak tercela, tetapi menjalani kehidupan yang terhormat, suci, senonoh, mulia serta tidak menyakiti orang lain. Hanya dengan menyembah ataupun memuja tidak dengan sendirinya menjadikan seseorang itu seorang yang berpegang teguh pada agama atau

membolehkannya mencapai kesempurnaan dan penyelamatan diri.

Buddha juga menasihati manusia supaya menjauhkan diri daripada amalan jahat. Tujuan kita menghindarkan diri daripada amalan jahat adalah demi kebajikan makhluk hidup yang lain dan bukan kerana takutkan tuhan ataupun hukuman. Pada masa yang sama, Beliau juga menasihati kita untuk memupuk ciri-ciri kemanusiaan yang baik, mempraktikkan amalan yang baik serta menolong orang lain tanpa mempunyai tujuan kepentingan diri yang tersembunyi.

Buddha merupakan satu-satunya guru yang telah memberikan penghormatan yang tinggi kepada kebijaksanaan manusia. Beliau menasihati kita supaya tidak mengabdikan diri kepada kuasa luar. Sebaliknya kita digalakkan untuk memperkembangkan potensi kita dengan mempunyai keyakinan pada kebolehan diri sendiri.

Beliau juga mengatakan bahawa manusialah

yang bertanggungjawab bagi semua perkara yang berlaku di dalam dunia ini. Penderitaan serta kebahagiaan adalah diwujudkan oleh dirinya sendiri. Manusia mempunyai kebolehan untuk menyingkirkan penderitaannya serta menetapkan suatu suasana yang tenteram, bahagia serta arif melalui usaha sendiri tanpa bergantung kepada kuasa luar. Disebabkan minda manusia yang tidak terlatih itulah, mereka menghadapi banyak masalah, malapetaka dan pergolakan hidup. Jika minda manusia digunakan dengan betul, mereka akan dapat menukarkan situasi yang tidak menguntungkan itu dan menjadikan dunia ini lebih aman, makmur serta bahagia. Hanya intelek yang terlatih yang mempunyai tenaga mental suci berkebolehan menjayakannya.

## **HADAPILAH KENYATAAN**

Agama ini selalu menggalakkan manusia menghadapi kenyataan hidup tanpa bertindak sebagai seorang hipokrit. Kita harus menerima kenyataan apabila menghadapinya. Oleh itu, umat Buddhis tidak menolak fakta berkenaan dengan dunia ini yang dijumpai oleh para saintis dan para

cendekiawan. Walaupun Buddha telah memberi lebih penekanan kepada perkembangan spiritual, Beliau tidak pernah mengabaikan kemajuan duniawi manusia. Di dalam ajarannya kita akan menemui nasihat yang praktikal untuk bekerja dengan betulnya tanpa membuang masa serta berusaha dan bertindak dengan bijaknya demi kemajuan umat manusia. Beliau menyatakan bahawa seseorang harus menunaikan kewajipannya kepada keluarga, sanak-saudara, rakan-rakan, masyarakat, negara serta seluruh dunia.

Oleh itu umat Buddhis tidak harus mengabaikan tanggungjawab dan kewajipan mereka untuk menjadikan dunia ini lebih aman dan bahagia dengan menyumbangkan tenaga mengikut kemampuan masing-masing. Buddha tidak campur tangan dalam urusan kerajaan atau undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan. Buddha tidak menentang sebarang adat sosial dan tradisi sekiranya adat itu tidak merugikan tetapi sebaliknya memberi manfaat kepada masyarakat. Pada masa yang sama Beliau tidak menggunakan kuasa politik atau tentera untuk mengembangkan ajarannya walaupun terdapat raja dan menteri

yang menjadi pengikutnya.

Agama ini yang mengajar kita untuk berbakti kepada orang lain, mengorbankan keselesaan hidup untuk menolong umat manusia serta mengikuti disiplin dan peraturan agama bukannya kerana telah diturunkan oleh suatu kuasa ghaib tetapi diamalkan secara sukarela. Dengan mengikuti prinsip yang baik seperti ini berdasarkan keyakinan diri, kita bukan sahaja mendapat peluang untuk menjadi sempurna tetapi kita juga dapat membantu orang lain hidup dengan tenteram.

Penyempurnaan ini adalah tahap tertinggi yang harus dicapai demi menyelamatkan diri seseorang. Penyempurnaan ini tidak boleh dicapai melalui pertolongan mana-mana tuhan ataupun orang tengah.

Mengikut agama ini, kita dapat melihat akibat semua perbuatan baik atau buruk di dalam jangka hidup ini sendiri. Kenikmatan syurga atau Nibbana dapat diselami di dalam hidup ini juga. Tidak perlu tunggu hingga mati untuk melihat

akibat tersebut seperti yang diajar di dalam agama lain.

Sebab itulah Buddha selalu mempersilakan kita untuk datang dan menyelidik ajarannya, bukannya datang dan mempercayai secara membuta tuli. Beliau juga menasihati kita untuk memilih satu agama yang sesuai dengan menimbangkan serta menyelidik dengan berbagai cara tanpa berdasarkan emosi ataupun kepercayaan membuta tuli. Inilah sebabnya agama Buddha dikenali sebagai ajaran yang berasaskan analisis. Di sini, kita dapat melihat analisis minda dan jasad dari segi saintifik mahupun falsafah. Aspek ini sudah tentu merupakan suatu aspek yang dihargai oleh para cendekiawan moden.

## **HUKUM SEJAGAT**

Buddha merupakan guru yang telah menemui sifat sebenar hukum semulajadi kamma dan Beliau menasihati kita supaya hidup selaras dengan hukum ini. Beliau menyatakan bahawa mereka yang melanggar hukum ini, misalnya

menentang alam semulajadi dan menjalani hidup yang tidak bermoral mestilah bersedia untuk menghadapi akibatnya.

Bukti hukum kamma tersebut dapat dilihat dewasa ini. Sejak revolusi industri pada abad yang lalu, kawasan yang luas telah dibiarkan begitu saja. Lautan dan sungai juga telah tercemar ke satu tahap yang tidak mungkin dapat dipulihkan semula kerosakan yang telah dilakukan terhadap sumber alam semulajadi kita. Perkara ini berlaku kerana manusia terlalu tamakkan kemewahan material serta jahil tentang keseimbangan antara manusia dengan alam semulajadinya.

Adalah mustahil untuk kita melarikan diri daripada kejadian semulajadi seperti ini dengan hanya sembahyang atau menyembah kepada tuhan kerana hukum sejagat ini adalah adil dan saksama bagi semua. Buddha telah mengajar kita cara untuk menghentikan sebahagian daripada amalan jahat dengan melaksanakan lebih banyak amalan baik. Kita dapat melakukannya dengan melatihkan minda kita serta menyingkirkan

fikiran yang jahat daripada minda. Setelah melanggar hukum alam semula jadi, tidak ada cara lain untuk menghalang akibatnya daripada bertindak kecuali berusaha selari dengan hukum tersebut. Sikap semata-mata mementingkan diri sendiri harus diubah kepada semangat ingin berbakti kepada orang lain. Sikap tamak haloba pula harus diubah menjadi sikap kedermawan.

Buddha telah mengajar tentang kamma. Seorang ahli psikologi yang terkenal bernama Carl Jung telah menerima Kamma sebagai kesedaran deria terkumpul (collective consciousness) yang sebenarnya merupakan pengumpulan benih kamma di dalam tenaga mental. Selagi kesedaran deria terkumpul dan kemahuan untuk terus hidup masih berada di dalam minda sebagaimana yang diterangkan oleh ahli-ahli falsafah, tumimbal lahir<sup>3</sup> akan terus

---

<sup>3</sup> Istilah Pali bagi tumimbal lahir ialah "Punnabhava" atau "Patisandhi". Istilah Kewujudan semula juga kerap digunakan dalam beberapa teks Buddhis dalam Bahasa Malaysia.

berlaku tidak kira sama ada kita mempercayainya atau tidak.

Unsur jasad akan mengalami disintegrasi tetapi arus mental bersama dengan "Kemahuan untuk terus hidup" akan disalurkan dan satu tumimbal lahir yang baru akan terbentuk bergantung kepada kesedaran deria terkumpul tadi.

Hukum graviti dan keabadian tenaga yang dirumuskan oleh ahli sains moden seperti Newton menyokong ajaran tentang kamma (hukum sebab dan akibat) yang telah diajar oleh Buddha.

Mengikut Buddha, seorang manusia pun berkebolehan menjadi tuhan<sup>4</sup> jika dia hidup berlandaskan satu jalan hidup yang benar tidak kira apapun agamanya. Akan tetapi agama lain

---

<sup>4</sup> Agama Buddha menolak konsep kewujudan satu Tuhan Yang Maha Esa yang telah mencipta seluruh alam sejagat serta makhluk-makhluk hidup di dalamnya.

pula menasihati umat manusia untuk sembahyang kepada tuhan supaya diberkati rahmatnya. Agama lain juga mengajar bahawa hanya selepas kematian seseorang, barulah dia akan pergi ke syurga. Akan tetapi kenikmatan syurga itu tidak bermaksud bahawa manusia dapat menjadi seorang tuhan. Bagaimanapun konsep Buddhis tentang tuhan adalah berbeza daripada agama lain.

Semua pengasas agama lain tidak pernah menyatakan pengikutnya juga mempunyai peluang untuk mencapai kebahagiaan, ketenteraman, kenikmatan dan penyelamatan diri sama seperti yang diperolehi oleh pengasas agama tersebut. Tetapi Buddha pula menyatakan sesiapa pun dapat menjadi seorang Buddha jika beliau sanggup mengamalkan kesempurnaan dan jalan yang telah dipraktikkan olehnya.

## **SIFAT MINDA**

Perubahan mendadak minda dan elemen jasad juga telah diterangkan di dalam agama Buddha. Mengikut Buddha di dalam setiap

pecahan satu saat, minda akan muncul dan menghilang. Bidang biologi, fisiologi dan psikologi juga mengajar sifat perubahan hidup di dalam cara yang sama. Oleh itu hidup bukanlah sesuatu yang statik.

Seorang ahli psikologi, Prof. William James telah menerangkan tentang konsep poin-detik kesedaran deria (consciousness). Beliau telah membincangkan bahawa kesedaran deria wujud dan menghilang keseluruhannya secara berterusan.

Berdasarkan sifat yang mengakibatkan proses perubahan minda yang berterusan, apabila suatu minda terbentuk, ia akan menyebabkan wujudnya satu minda yang lain sedangkan ia pula akan menghilang. Minda baru tadi akan menyebabkan suatu minda baru wujud dan ianya pula akan hilang dan proses ini berterusan. Motif manusia yang semata-mata mementingkan dirinya sendiri yang menyebabkan fikiran jahat bertapak di dalam minda manusia. Motif ini wujud kerana perpautan untuk terus wujud dan kepercayaan tentang kewujudan suatu ego yang kekal abadi yang sering inginkan kepuasan nafsu indera.

Apabila kita mengkaji riwayat hidup dan ajaran Buddha, kita dapat melihat bahawa segalanya adalah terbuka untuk disiasat oleh sesiapa pun. Tidak ada apa-apa untuk disembunyikan atau peristiwa yang ajaib. Mengikut Buddha, konsep kuasa luar biasa yang dipegang oleh kebanyakan manusia bukanlah sesuatu yang luar biasa tetapi hanya merupakan satu fenomena semulajadi yang tidak dapat difahami oleh orang kebanyakan. Dengan bertambahnya pengetahuan kita tentang alam semesta, kepercayaan kita tentang sesuatu yang luar biasa akan berkurangan. Bagi manusia primitif, kilat dan guruh berlaku kerana tuhan menjadi marah. Tetapi dewasa ini, kita sedia maklum bahawa kilat dan guruh adalah diakibatkan oleh cas-cas elektrik.

Jika komponen-komponen sesuatu jasad tertakluk kepada hukum semulajadi yang merangkumi perubahan, pereputan dan kematian, bagaimanakah kita dapat memperkenalkan semua ini sebagai kuasa luar biasa?

Semasa kelahiran, Pencerahan Sempurna

dan kemangkatan Buddha, semua peristiwa ini berlaku dengan terbuka (tanpa apa-apa untuk disembunyikan).

Buddha menjalani hidupnya sebagai guru agama yang biasa dan sebagai manusia yang sebenarnya.

Buddha telah menerangkan tentang proses evolusi seseorang daripada tahap haiwan ke tahap manusia dan seterusnya ke tahap kedewaan. Kemudian dia meningkat pula ke tahap Brahma dan seterusnya ke tahap yang sempurna. Seseorang juga boleh meneruskan daripada hidup yang suci ke hidup beragama yang sempurna. Buddha telah menerangkan tentang proses yang sebaliknya juga, iaitu proses perubahan daripada tahap manusia ke tahap haiwan.

## **MENJALANI HIDUP YANG SEDERHANA**

Buddha telah menasihati manusia untuk mengikuti Jalan Tengah bagi setiap aspek hidup mereka. Akan tetapi ramai di antara kita tidak menyedari makna sebenar dan kegunaan Jalan

Tengah Yang Mulia ini. Jalan Tengah ini mempunyai suatu makna yang mendalam. Jalan ini menunjukkan cara hidup yang betul untuk menghindarkan diri daripada kedua-dua jalan hidup yang keterlaluan dan hidup secara sederhana. Jalan ini juga untuk mengajar kita untuk menggunakan indera kita tanpa menyalahgunakannya. Jalan ini dapat digunakan untuk membolehkan kita mempelajari cara untuk menggunakan indera kita dengan betul. Panca indera kita adalah untuk melindungi diri kita, menghindarkan diri daripada bahaya serta mencari nafkah hidup. Malangnya ramai orang menghabiskan riwayat hidup mereka dengan hanya memuaskan nafsu mereka serta menyalahgunakan indera mereka bagi memenuhi kepuasan mereka sahaja. Dengan itu, perpautan mereka menjadi lebih banyak dan mereka tetap tidak dapat menikmati kepuasan yang dicari-cari itu.

Kebanyakan amalan tidak bermoral, perbuatan tidak berperikemanusiaan, tekanan emosi yang serius, persaingan yang tidak sihat, ketegangan, gangguan mental dan pergolakan

yang dialami oleh masyarakat moden disebabkan oleh minda yang sentiasa tidak berpuas hati menyalahgunakan inderanya.

Kuasa "instinctive" indera (berdasarkan naluri) ini akan lama-kelamaan menurun dan banyak jenis penyakit akan muncul di dalam organ manusia. Kita menghadapi akibat ini kerana menyalahgunakan atau keterlaluan dalam penggunaan pancaindera kita. Jika kita terlalu berpaut kepada kepuasan hidup dalam dunia ini dan tidak mempunyai masa untuk mencorak dan bersedia bagi masa hadapan dan tumimbal lahir yang akan datang, maka hidup kita akan sentiasa diselami perasaan muram.

Buddha telah menasihati kita bahawa perbuatan membunuh sebarang makhluk hidup walau bagaimana kecil pun, adalah suatu perbuatan yang tidak berperikemanusiaan dan tidak adil. Sikap lemah-lembut ini tidak diajar oleh mana-mana guru agama lain. Mereka hanya mengajar bahawa kita hanya bersalah jika kita menyakiti seorang manusia lain. Memusnahkan makhluk hidup lain bukanlah cara yang tunggal

supaya kita bebas daripada masalah yang diberikan oleh mereka.

Tujuan agama Buddha adalah untuk membangunkan umat manusia ke tahap pencapaian kebahagiaan yang tertinggi dan ini hanya dapat dicapai sekiranya terdapat satu pemahaman yang jelas tentang kehidupan dan alam semulajadi. Tujuan agama Buddha bukanlah untuk mewujudkan alam khayalan, memenuhi keperluan emosi seseorang ataupun melibatkan diri di dalam kepuasan duniawi yang tidak menentu. Agama ini juga tidak menjanjikan suatu alam kepuasan duniawi yang berkekalan di manapun.

Agama Buddha memberi satu gambaran yang jelas tentang hidup. Ciri sebenar hidup, punca penderitaan dan punca kebahagiaan telah dijelaskan secara terperinci di dalam agama Buddha. Teori perubatan, sains dan teknologi pula masih tidak berjaya menemukan penawar bagi penderitaan mental dan ketidakpuasaan. Buddha pula telah pun menengahkan penawarnya.

## **APAKAH KEARIFAN?**

Daripada sudut pandangan agama Buddha, kearifan adalah berdasarkan pemahaman serta fikiran yang benar, menyedari hukum universal dan memperkembangkan celik minda (insight) untuk melihat Kebenaran tentang hidup serta menyelamatkan diri daripada belenggu ketidakpuasan hidup.

## **ADAKAH AGAMA YANG BENAR MEMBANTUT KEMAJUAN DUNIA?**

Ramai saintis, ahli falsafah dan cendekiawan mempunyai sikap yang negatif terhadap agama. Mereka berkata agama membantut kemajuan manusia. Agama juga disifatkan sebagai memimpin manusia ke jalan yang salah kerana memperkenalkan kepercayaan yang kolot dan karut serta amalan yang menjauhkan manusia daripada fakta yang dijumpai oleh para saintis. Karl Marx pernah berkata "Agama merupakan candu masyarakat". Akan tetapi apabila kita mengkaji definisi mereka terhadap agama, kita boleh memahami bahawa

agama Buddha tidak termasuk dalam kategori agama seperti itu. Oleh itu pada masa hadapan apabila para intelek berjaya membahas dan menolak sesuatu agama, mustahil bagi mereka melabelkan agama Buddha sebagai suatu agama yang palsu kerana Buddha telah mendedahkan kebenaran yang mutlak. Sekiranya terdapat kebenaran dalam apa jua pun, kebenaran mutlak itu haruslah tetap sebagai kebenaran mutlak selama-lamanya.

Jika kebenaran itu terpaksa diubahsuaikan atau ditukar mengikut keadaan-keadaan tertentu, maka ia bukanlah kebenaran mutlak. Sebab itulah kebenaran yang didedahkan oleh Buddha dikenali sebagai Kebenaran Ariya. Kebenaran tersebut memimpin manusia untuk menjadi seorang yang mulia. Oleh itu, agama Buddha merupakan satu jalan hidup yang betul dan mulia yang berkemampuan untuk menghadapi sebarang cabaran intelektual mahupun saintifik. Dalam konteks ini, ajaran Buddha tidak dapat dicabar oleh sesiapa pun. Para intelek sudah tentunya akan menghormati jalan hidup sebegini jika mereka benar-benar dapat memahami ajaran Buddha.

Oleh itu, ajaran Buddha akan terus menjadi satu jalan hidup yang memimpin manusia di sepanjang jalan yang mulia, suci, sempurna dan dipenuhi dengan kebahagiaan dan ketenteraman tanpa mengira label keagamaan.

## **SATU AGAMA YANG BEBAS**

Kebebasan yang dinikmati oleh umat Buddhis adalah satu aspek yang terpuji. Ramai umat Buddhis sendiri tidak menyedari perkara ini. Kita mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk berfikir dan menimbangkan sama ada untuk menerima ataupun menolak sesuatu. Kita tidak perlu menerima sesuatu di atas nama agama atau kerana merenung tentang kegemilangan guru agama, berpendapat bahawa sesuatu perkara tersebut adalah kewajipan kita atau kerana mengikuti tradisi dan kebudayaan kita. Umat Buddhis bebas untuk menyiasat sesuatu perkara dan menerimanya jika perkara tersebut selaras dengan keinsafan mereka sendiri. Umat Buddhis tidak menerima atau menolak sesuatu tanpa sebarang alasan yang munasabah. Mereka tidak pernah menyatakan yang mereka dilarang berbuat

begini atau sebaliknya. Mereka berkata bahawa mereka tidak suka melakukan sesuatu kerana angkara itu mengakibatkan masalah, kesulitan atau penderitaan kepada masyarakat. Mereka melaksanakan amalan-amalan baik yang tertentu bukan kerana agama Buddha meminta mereka berbuat demikian, tetapi amalan baik ini dilakukan kerana mereka menyedari makna dan kebaikan amalan seperti itu demi kebajikan orang lain. Agama Buddha merupakan satu agama yang berdasarkan kebebasan yang tidak membendung kegiatan seseorang sekiranya kegiatan itu bermoral dan tidak menyakiti orang lain. Umat Buddhis mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk menyusun kegiatan keluarga mereka tanpa melanggar prinsip-prinsip agama yang asas. Agama ini adalah seperti satu lombong emas bagi para intelek menjalankan kajian dan mencari aspek-aspek yang lebih mendalam bagi bidang psikologi, falsafah, sains dan hukum alam sejagat. Lombong emas ini juga adalah penting bagi perkembangan spiritual dan menyelamatkan umat manusia daripada belenggu ketidakpuasan dan pergolakan. Tidaklah menghairankan selama 2500 tahun agama Buddha telah dapat

meyakinkan kebanyakan orang dalam hampir setiap negara di benua Asia. Pada masa itu, penduduk negara-negara tersebut telah menyambut ajaran Buddha sebagai satu utusan untuk keamanan dunia. Disebabkan ini juga, agama Buddha dapat diperkenalkan tanpa sebarang masalah, tanpa mengeksploritasikan orang lain ataupun menggugat sistem yang sedia ada.

## **PUNCA MASALAH KITA**

Satu aspek penting yang lain di dalam agama ini ialah penerangannya tentang punca masalah manusia dan penderitaannya. Mengikut Buddha, kita menghadapi semua masalah ini di dalam kehidupan dunia kerana perpautan yang wujud di dalam minda kita. Beliau telah mendedahkan bahawa terdapat tiga jenis kuasa perpautan di dalam minda kita yang bertanggungjawab untuk kewujudan, tumimbal lahir serta semua masalah dan gangguan mental kita. Ketiga-tiganya adalah:- perpautan untuk kewujudan, perpautan untuk kepuasan indera dan perpautan untuk ketidakwujudan. Untuk memahami makna sebenar perkara ini, kita harus

memikirkannya dengan bijak serta cermat sehingga kita mendapat kesedaran. Ahli falsafah dan psikologi yang terkenal juga telah menerangkan 3 perpautan tadi itu dengan istilah yang berbeza sebagai punca kewujudan. Arthur Schophenhour menerangkan 3 kuasa ini sebagai dorongan seks, kemandiran diri dan pembunuhan diri. Ahli psikologi seperti Sigmond Freud menerangkan perkara yang sama sebagai libido, naluri ego serta naluri maut. Seorang ahli psikologi terkenal yang lain bernama Carl Jung berkata "Daripada punca-punca naluri muncullah segala-gala yang kreatif". Dari sini kita dapat melihat bagaimana para intelek yang terkenal sanggup menyokong kebenaran yang didedahkan oleh Buddha 25 abad yang lalu. Bagaimanapun apabila kita meneliti penerangan mereka ini, kita dapat melihat bahawa Buddha mempunyai tahap pemahaman yang jauh lebih tinggi daripada para intelek ini berkenaan isu-isu seperti ini.

## **PUNCA PENDERITAAN**

Dunia ini jelas dipenuhi dengan berbagai jenis penderitaan seperti kematian, ketidakkekalan,

kesengsaraan, ratapan, kesakitan, kerunsingan dan sebagainya. Buddha telah menunjukkan bahawa kelahiran (Jati) membawa bersamanya penderitaan. Jika tiada kelahiran, maka tiadalah skop bagi penderitaan.

S. : Mengapakah terdapat kelahiran?

J. : Proses sub-sedar (sub-conscious) akan wujud sebagai gabungan minda dan jasad (Nama-rupa) (bhava) mengakibatkan kelahiran. Di dalam ertikata lain, di mana terdapat bhava, di situ terdapat kelahiran.

S. : Apakah yang mengakibatkan pembentukan gabungan minda dan jasad?

J. : Fikiran yang dikuasai oleh tanha (nafsu keinginan) mengakibatkan pembentukan kecenderungan kamma serta pembentukan gabungan minda-jasad.

S. : Apakah yang mengakibatkan perpautan?

J. : Tanha mengakibatkan perpautan.

S. : Apakah yang menghasilkan tanha?

J. : Tanha dihasilkan oleh sensasi atau perasaan (vedana).

S. : Apakah yang menghasilkan perasaan?

J. : Pertemuan (deria dengan objeknya) menghasilkan perasaan.

S. : Mengapakah terdapat pertemuan sebegitu?

J. : Enam dasar-deria (salayatana) adalah punca pertemuan tersebut.

S. : Bagaimanakah enam dasar-deria itu wujud?

J. : Gabungan psiko-fizikal (nama-rupa) menghasilkan enam dasar deria tersebut.

S. : Bagaimanakah gabungan psiko-fizikal tersebut wujud?

J. : Dengan munculnya kesedaran deria (consciousness) yang pasif (vinnana atau vipaka citta), gabungan psiko-fizikal wujud.

S. : Bagaimanakah kesedaran deria pasif ini wujud?

J. : Kesedaran deria pasif ini terhasil akibat tenaga kamma.

S. : Bagaimana tenaga kamma (sankhara) muncul?

J. : Bergantung kepada kejihilan (avijja) yang merupakan salah satu rupa luaran tanha, tenaga kamma wujud.

S. = Soalan J. = Jawapan

Jadi, jelaslah bahawa kejihilan (avijja) merupakan punca seluruh proses tersebut. Akan tetapi, kejihilan tidak boleh dikaitkan sebagai satu sebab metafizikal atau satu prinsip kosmo, tetapi merupakan satu syarat di mana perkembangan tersebut berlaku. Bergantung kepada satu, yang satu lagi muncul. Sebenarnya, inilah pembentukan yang bersyarat, "Paticca Samuppada". Seluruh siri ini boleh dipanggil kitaran kewujudan, "bhava cakka". Setiap hubungan boleh digabungkan dengan yang satu lagi. Hubungan ini (misalnya kejihilan, tenaga Kamma, dan sebagainya) adalah dikenali sebagai Dua Belas Jari Kitaran Kewujudan (Paticca Samuppada).

Jejari ini dihubungkan dengan masa lampau, kini dan masa hadapan secara berturut-turut. Di dalam kewujudan yang lepas terdapat

kejahilan dan tenaga Kamma. Di dalam lingkungan hidup kini, terdapat kesedaran deria yang reaktif, gabungan psiko-fizikal, enam dasar-deria, pertemuan, sensasi, tanha, perpautan dan pembentukan kecenderungan kamma. Pada masa hadapan, terdapat tumimbal lahir dan penderitaan-penderitaan yang bersangkutan. Justeru itu, kitaran kewujudan yang dikaitkan dengan tempoh masa yang lampau, kini dan masa hadapan akan berterusan.

Agama ini merupakan satu agama yang mempunyai prinsip-prinsip agama yang sejati, yang dapat dipertahankan asasnya tanpa sebarang perubahan, tidak kira masa, tempat dan situasi sekalipun. Keupayaan untuk memahami nilai idea-idea agama ini mungkin akan hilang daripada ingatan manusia. Manusia mungkin mengalami masalah untuk mengamalkan prinsip-prinsip ini dalam suatu masyarakat yang kehilangan amanah dan nilai moral. Walau bagaimanapun, nilai prinsip-prinsip yang berharga ini akan disanjungi oleh setiap manusia yang bertamadun yang memahami prinsipnya pada bila-bila masa pun.

Adalah diharapkan penerangan yang diberikan ini dapat menjawab soalan "Mengapa memilih agama Buddha" dan sebabnya agama ini diperlukan walaupun di dalam era moden ini.

*Buku ini diterjemahkan oleh*  
**Rakan-rakan SeDhamma, Universiti Sains  
Malaysia.**

## **SERVICES AVAILABLE AT THE BUDDHIST MAHA VIHARA**

- Booking for Dana (Alms Giving) and Bana (Sermons)
- Blessing Services / Funeral Services by Monks
- Booking of Facilities for religious functions / events
- Marriage Registration
- Full Moon and New Moon Day Services
- Sunday Dhamma Classes
- Sri Dhamma Library
- Tape Library
- Bookshop
- Correspondence Course
- Kindergarten - Tadika Sudharma
- PARAMA Business & I.T. Training Centre
- Weekly Activities

• Chanting	Tuesday & Friday	7.30 p.m.
• Special Talk	Friday	1.00 p.m.
• Dhamma Talk	Friday	8.00 p.m.
• Meditation	Monday & Thursday	8.00 p.m.
• Service & Talk	Sunday	8.30 a.m.
• Dhamma School	Sunday	8.30 a.m.

### **DONATION IN CASH OR KIND CAN BE MADE FOR:**

- Buddhist Propagation
- Education Fund
- Project Buddho Africa
- Full Moon and New Moon services sponsorship
- General Maintenance of the Buddhist Maha Vihara
- Illumination (lighting) of the Main Shrine Hall
- Illumination (lighting) of the Awkana Buddha & Cakra
- Monks Dana
- Monks Requisites
- Welfare Fund
- Special Religious Events - Wesak
  - Annual Blessing Service
  - Annual Merit Offering
  - Kathina Pinkama (ceremony)
  - Monks' Novitiate Programme

**MAY THE BLESSINGS OF THE NOBLE TRIPLE GEM  
BE WITH YOU AND YOUR FAMILY**

# **DONATION FORM**

Buddhist Maha Vihara  
123, Jalan Berhala, Brickfields,  
50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan,  
Malaysia.  
Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570

I / We would like to make a donation to the Buddhist Maha Vihara.

Name : .....

Address : .....

.....  
.....

Amount : RM .....

Towards :  The cost of reprinting this book

Others, please specify .....

.....

All cheques can made payable to: BUDDHIST MAHA VIHARA or TT to "BUDDHIST MAHA VIHARA" ACCOUNT NO. 0061-10-003018-0, EON BANK BERHAD, BRICKFIELDS, KL. Kindly send us a copy of your BANK SLIP so that we can send you an OFFICIAL RECEIPT.



**Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society  
Buddhist Maha Vihara**

123, Jalan Berhala, Brickfields  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: 03-2274 1141 Fax: 03-2273 2570  
E-mail: [info@buddhistmahavihara.com](mailto:info@buddhistmahavihara.com)

ISBN 978-983-43723-2-3

9 789834 372323